

MECD:LPKP/20/S/656/1 JLD/2()



KERAJAAN MALAYSIA



LPKP

**PEKELILING LEMBAGA PELESENAN
KENDERAAN PERDAGANGAN
BIL. 1 TAHUN 2007**

**PELANJUTAN TEMPOH LESEN YANG TAMAT
LEBIH AWAL DARIPADA HAD USIA KENDERAAN**

**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN
SEMENANJUNG MALAYSIA**

TARIKH : 19 APRIL 2007

**SEMUA LPKP WILAYAH,
Semenanjung Malaysia.**

**PELANJUTAN TEMPOH LESEN YANG TAMAT
LEBIH AWAL DARIPADA HAD USIA KENDERAAN**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kaedah meluluskan tempoh pelanjutan lesen bagi kenderaan bas awam yang tempoh kuatkuasa lesen tamat lebih awal daripada tempoh had usia kenderaan.

LATAR BELAKANG

2. Pekeliling LPKP Bil: 14 Tahun 2005 menetapkan had usia sehingga 10 tahun bagi bas ekspres dan sehingga 15 tahun bagi bas berhenti-henti. Dalam mencapai tempoh had usia bas, terdapat lesen-lesen bas ekspres dan bas berhenti-henti yang tamat tempohnya lebih dahulu daripada tamatnya tempoh had usia kenderaan.

TEMPOH PELANJUTAN LESEN YANG BOLEH DILULUSKAN

3. Kaedah bagi melanjutkan tempoh kuatkuasa lesen yang tamat awal daripada tempoh had usia kenderaan adalah seperti berikut:


- (i) Jika tarikh lesen tamat melebihi 6 bulan dari tarikh tamat tempoh had usia kenderaan . lesen tersebut boleh dilanjutkan untuk tempoh **satu tahun** sahaja.
- (ii) Jika tarikh lesen tamat kurang atau sama 6 bulan dari tarikh tamat tempoh had usia kenderaan . lesen tersebut tidak boleh dilanjutkan.

4. Bagi kenderaan yang had usianya tamat lebih awal daripada lesen tamat, tempoh had usia kenderaan tersebut tidak boleh dilanjutkan.


PEMAKAIAN

5. Kaedah pelanjutan ini terpakai bagi semua kelas lesen kenderaan perkhidmatan awam yang mempunyai ketetapan had usia.

6. Contoh pelaksanaan kaedah ini adalah seperti berikut:



(i) **LESEN DILANJUTKAN UNTUK TEMPOH 1 TAHUN**



(ii) **LESEN TIDAK BOLEH DILANJUTKAN**

TARIKH KUAT KUASA

7. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“ KEUSAHAWANAN KERJAYA PILIHAN”

(ZAINUDDIN BIN AHMAD)

SETIAUSAHA,

LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN

SEMENANJUNG MALAYSIA,

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI.

19 APRIL 2007

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan,
Ibu pejabat.